

Headline	Syarikat pembersih disiasat		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	3	ArticleSize	184 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 6,229	PR Value	RM 18,688



# Syarikat pembersih disiasat

» *Kemungkinan berlaku unsur sabotaj oleh pekerja: Khalid*

Oleh Nurul Hazren Masitom, Suzianah Jiffar, Nahar Tajri, Petah Wazzan Iskandar, Zanariah Abd Mutalib, Iskandar Ibrahim, Lum Chee Hong dan Luqman Arif Abdul Karim.  
bhnews@bh.com.my

► Sintok

Polis akan menyiasat sebuah syarikat pembersihan yang terbabit dalam kerja pembersihan pesawat MH370 sebelum ia berlepas ke Beijing pada 8 Mac lalu.

Difahamkan, ada ruang masa tertentu bagi kerja pembersihan dijalankan di dalam pesawat berkenaan oleh beberapa pekerja yang turut memungkinkan berlaku unsur sabotaj sebelum pesawat itu berlepas.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar ketika ditanya mengenai syarikat berkenaan, mengesahkan polis menyiasat dari segala sudut, termasuk syarikat terbabit bagi mendapat maklumat untuk membantu siasatan.

Katanya, polis juga

sedang menyiasat sebuah syarikat pembekal makanan bagi mengenal pasti segala kemungkinan mengenai kejadian itu.

## Siasat segala sudut

“Siasatan sedang dijalankan dan kita siasat dari segala sudut,” ka-

tanya pada sidang media selepas menutup kejohanan tertutup bola jaring dan sepak takraw Piala Ketua Polis Negara 2014, membabitkan Ibu Pejabat Polis (IPK) dari seluruh negara di Kompleks Sukan Universiti Utara Ma-

laysia (UUM) di sini, semalam.

Dalam kejohanan itu, pasukan dari IPK Selangor muncul johan bagi kedua-dua acara yang dipertandingkan.

Sementara itu, Khalid berkata, seorang anggota polis yang di tembak penjenayah dalam kejadian di Ampang, Kuala Lumpur kelmarin, kini semakin stabil selepas peluru dari tubuhnya di keluarkan semalam.

“Kita sedang mengenal pasti penjenayah terbabit, namun ia tidak boleh didedahkan atas faktor siasatan,” katanya.

Selain itu katanya, polis tidak akan mendedahkan sebarang maklumat berhubung siasatan kes penculikan warga China dan Filipina di Semporna, Sabah 4 April lalu kerana tidak mahu membahayakan keselamatan mangsa.

Headline	Syarikat pembersih disiasat		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	3	ArticleSize	184 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 6,229	PR Value	RM 18,688



*Khalid Abu Bakar*